

NO. SOALAN : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN
SHAH BIN RAJA AHMAD
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 21 MAC 2018

SOALAN :

YB. Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan pelancong yang tiba di Malaysia bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 serta anggaran ketibaan untuk 2018.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik ketibaan pelancong bagi bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 serta anggaran ketibaan untuk 2018 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah	Pertumbuhan %
2015	25,721,251	(6.3)
2016	26,757,392	+4.0
2017	25,948,459	(3.0)

Manakala pada tahun ini Kementerian mensasarkan seramai 33.1 juta pelancong akan melancong ke Malaysia iaitu pertumbuhan sebanyak 27.6% berbanding pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]

TARIKH : 21 MAC 2018

SOALAN :

YB Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peratusan kenaikan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) para penjawat awam sekarang berbanding tahun 2003 dan berapakah gaji minimum penjawat awam sekarang berbanding tahun 2003 serta berapakah gaji maksimum bagi penjawat awam kumpulan pelaksana sekarang berbanding pada tahun 2003.

45

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar kenaikan gaji bagi penjawat awam telah dilaksanakan melalui lapan (8) kali urusan penambahbaikan gaji. Urusan penambahbaikan gaji ini meliputi tiga (3) aspek iaitu Pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT), Penambahbaikan kepada Jadual Gaji Minimum Maksimum (JGMM) dan pergerakan gaji tahunan sebanyak 3% kepada semua penjawat awam yang berada di tangga gaji maksimum.

Secara puratanya, sejak tahun 2003, kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 11 – 54) telah dinaikkan sebanyak 112%.

Bagi Kumpulan Pelaksana, gaji minimum telah ditambah baik daripada RM480.85 pada tahun 2003 telah dinaikkan kepada RM1,200 pada tahun 2016. Manakala gaji maksimum untuk Kumpulan Pelaksana, sebagai contoh Gred U40 yang merupakan gred gaji tertinggi telah dinaikkan daripada RM4,923.97 pada tahun 2003 kepada RM9,206 pada tahun 2016 seperti digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan PP1/2016.

Secara purata gaji minimum Kumpulan Pelaksana telah meningkat sebanyak 67.4% dan gaji maksimum meningkat 101.5%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 21 MAC 2018 (RABU)

SOALAN : 24

Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam meluluskan plet nombor kenderaan bermotor kepada individu, pertubuhan ataupun mana-mana pihak yang memohon.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian dan pendaftaran nombor pendaftaran kenderaan adalah tertakluk di bawah peruntukan Subseksyen 11(1) (a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan bahawa suatu kenderaan motor yang didaftarkan hendaklah diperuntukkan tanda indeks yang menunjukkan kawasan pentadbiran atau status pemunya kenderaan motor itu dan nombor pendaftaran bagi kenderaan tersebut.

Selain itu, selaras dengan peruntukan tersebut juga, Kaedah 5(2) dalam Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 menetapkan nombor pendaftaran yang boleh diberikan dan ditawarkan kepada pemohon yang berminat melalui suatu sistem tender yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi nombor pendaftaran khas pula, pengeluaran dan pemberian nombor pendaftaran khas adalah tertakluk di bawah Subkaedah 5A(2), Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959.

Kementerian dan Jabatan Pengangkutan Jalan menetapkan bayaran sebanyak RM 1 juta bagi setiap siri nombor pendaftaran khas yang diluluskan (iaitu bagi nombor pendaftaran 1 hingga 9999) atau menetapkan amaun bayaran berdasarkan nilai semasa tawaran nombor pendaftaran sekiranya kelulusan nombor khas diberikan berdasarkan julat

tertentu (contohnya bayaran sebanyak RM 500,000.00 bagi nombor pendaftaran 1 hingga 100 sahaja).

Selain itu, tempoh masa sekurang-kurangnya setahun diberikan kepada pihak yang diberikan kelulusan untuk menyelesaikan semua aktiviti promosi dan penjualan nombor pendaftaran khas. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk melanjutkan tempoh tersebut, pihak agensi terlebih dahulu perlu membuat permohonan rasmi kepada kementerian serta mengemukakan justifikasi keperluan pelanjutan nombor pendaftaran khas tersebut.

SOALAN : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)

TARIKH : 21 MAC 2018

RUJUKAN : 10601

SOALAN :

PR-1361-L04463

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimana mengatasi masalah kekurangan kekosongan dalam pusat pemulihan dadah di Sarawak. Berapakah jumlah penagih dadah di seluruh Malaysia, dan sila senaraikan mengikut negeri, dan juga SibU pada tahun 2010-2018.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

AADK menyediakan pusat pemulihan dalam institusi di *Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC)* Kuching, Sarawak yang boleh menempatkan seramai 150 orang klien.

Selain menjalankan rawatan dan pemulihan di dalam institusi, penagih dadah boleh mendapatkan perkhidmatan di 5 buah *Cure & Care Service Centre (CCSC)* di Sarawak, iaitu CCSC Kuching, CCSC Sibul, CCSC Miri, CCSC Sri Aman dan CCSC Limbang.

CCSC ialah institusi dalam komuniti yang menyediakan rawatan dan pemulihan secara terbuka dan sukarela. Perkhidmatan berbentuk '*halfway house*' ini menyasarkan individu yang menghadapi permasalahan dadah. Klien boleh mendapatkan perkhidmatan CCSC secara residensi atau hadir secara harian bagi mengikuti program rawatan dan pemulihan penagih dadah. Perluasan perkhidmatan CCSC di seluruh negara telah berjaya menarik minat pelbagai lapisan masyarakat untuk hadir secara sukarela bagi mendapatkan khidmat nasihat dan rujukan dalam permasalahan penagihan dadah.

Pusat Pemulihan Dadah Persendirian yang diluluskan oleh Kerajaan juga merupakan salah satu alternatif kepada mereka yang menghadapi masalah penagihan dadah. Sebagai contoh, Pusat Pemulihan Dadah Persendirian '*Victory Home*' di bawah seliaan Gereja Methodist di Sibul mampu menyediakan

51

perkhidmatan pemulihan dadah kepada 50 orang klien pada satu-satu masa.

Bagi SibU, seramai 76 orang penagih dadah telah dikesan pada tahun 2017 dan jumlah ini adalah termasuk mereka yang menjalani program pengawasan di bawah AADK Bahagian SibU. Selain itu, CCSC SibU yang mempunyai kapasiti seramai 10 orang juga telah memberi perkhidmatan kepada 107 orang klien sejak penubuhannya pada 1 Mei 2013.

**JUMLAH PENAGIH DADAH YANG DIKESAN MENGIKUT NEGERI BAGI
TAHUN 2010 SEHINGGA 2017**

Tahun	Negeri																Jumlah
	Pulau Pinang	Selangor	Kedah	Tereng-ganu	Kelantan	Perak	Johor	WPKL	Pahang	Negeri Sembilan	Sabah	Perlis	Melaka	Sarawak	WP Putrajaya	WP Labuan	
2010	3,753	3,548	2,507	2,377	2,360	2,296	2,091	1,344	1,198	921	517	354	176	145	45	10	23,642
2011	2,747	2,026	1,859	2,443	1,475	2,215	1,918	1,013	1,363	840	440	293	538	333	25	3	19,531
2012	2,286	1,690	1,535	599	942	1,549	1,729	1,098	1,423	816	262	337	496	312	26	1	15,101
2013	3,043	2,226	2,702	641	895	2,789	1,874	1,841	1,621	1,008	513	374	675	650	20	15	20,887
2014	2,780	2,051	2,535	579	1,399	2,716	1,992	1,698	1,903	951	940	499	845	854	16	19	21,777
2015	4,280	2,987	2,945	1,022	1,994	3,106	2,541	1,328	2,066	1,050	898	781	944	658	32	36	26,668
2016	5,081	3,176	3,862	1,676	3,233	2,639	2,565	1,695	2,419	1,172	1,044	692	930	534	47	79	30,844
2017	3,844	2,375	2,655	2,044	3,700	1,557	2,108	1,655	2,088	1,012	1,047	654	613	440	38	92	25,922